



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	8/8/2014

GST tidak beban penduduk luar bandar

(BH - 8/8/2014)

Pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) tidak akan membebankan penduduk luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak.

Ia susulan golongan berkeuntungan masih boleh menikmati barang dan perkhidmatan yang lebih murah, kata seorang perunding percukaian.

Pengarah Eksekutif Tax Advisory and Management Sdn Bhd, Yong Poh Chye, berkata barang keperluan seperti pertanian, makanan, ternakan, ayam itik, pengangkutan awam, tanah,

pakej pengebumian, kesihatan dan pendidikan dikenakan sifar cukai dan tidak tertakluk kepada GST.

Kini, barangan ini tertakluk kepada cukai jualan 10 peratus dan cukai perkhidmatan enam peratus.

Kurang enam peratus

Semuanya akan dikurangkan kepada hanya enam peratus selepas pelaksanaan GST, katanya.

"Harga barang dan perkhidmatan akan turun secara automatik, sekurang-kurangnya

empat peratus," katanya di Putrajaya semalam.

Poh Chye berkata, pelaksanaan GST akan menghalang cukai berganda kerana hanya nilai ditambah pada setiap peringkat akan dicukai.

"Tidak kira berapa banyak peringkat sesuatu barang dan perkhidmatan lalui dalam rangkaian pembekalan, cukai dikenakan di peringkat sebelumnya akan ditolak pada peringkat berikutnya dalam rangkaian bekalan," katanya.

Beliau berkata, pelaksana-

an GST akan membolehkan kerajaan menambah peruntukan untuk pembangunan luar bandar memandangkan GST akan mendatangkan pendapatan tambahan.

Poh Chye berkata, dalam usaha menghalang peniaga tidak bertanggungjawab yang menaikkan harga barang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan menempatkan lebih 500 pegawai di 222 kawasan parlimen untuk memantau keadaan.

BERNAMA